

**UCAPAN**  
**YBHG. BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**KETIKA MAJLIS PELANCARAN**  
**BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2014 PERINGKAT UniMAP**  
**DAN MAJLIS WACANA PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN**  
**DI DEWAN KAPITOL, KANGAR, PERLIS**  
**PADA 25 SEPTEMBER 2014/30 ZULKAEDAH 1435**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
salam sejahtera, salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Awang Sariyan,**

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Yang Berbahagia Timbalan- Timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai –Pegawai Utama Universiti

**Yang Berusaha Encik Abdul Nasir Mohd Razak**

Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Utara

**Yang Berusaha Puan Norshabihah Binti Ahmad**

Wakil Pengarah Institut Pendidikan Guru, Kampus Perlis

**Yang Berusaha, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon,**

Pengarah Pusat Bahasa Antarabangsa

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya para hadirin dan hadirat yang saya raikan sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Pertama-tamanya dan selama-lamanya, marilah kita mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat berhimpun di dewan yang indah ini untuk bersama-sama menghadiri majlis pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 peringkat UniMAP dan Majlis Wacana Pemartabatan Bahasa Kebangsaan pada petang ini. Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak DBP kerana telah memilih dan memberikan kepercayaan kepada UniMAP untuk menjadi tuan rumah bagi majlis Wacana Pemartabatan Bahasa Kebangsaan kali ini.
2. Alhamdulillah pada pagi tadi telah diadakan Pertandingan Deklamasi Puisi 2014 antara IPTA/IPTS Kedah dan Perlis, yang juga hasil kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Pendidikan Guru (IPG) Perlis dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
3. Saya dimaklumkan keputusan pertandingan tersebut telah diperolehi dan kepada para pemenang tahniah dan syabas saya ucapkan. Semoga kejayaan tersebut akan menjadi pemacu kepada pelajar dalam memupuk kecintaan terhadap karya-karya sastera negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

#### **WACANA PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN**

4. Saya difahamkan bahawa majlis ini sepatutnya berlangsung pada bulan Mei 2014 yang lalu, namun atas permintaan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Awang Sariyan yang ingin sama-sama hadir dan menyampaikan sendiri wacana tersebut, maka majlis ini kita aturkan pada hari ini.
5. Bagi kami di UniMAP, hal ini merupakan satu penghormatan daripada DBP yang tidak ternilai harganya.

6. Semoga kehadiran Yang Berbahagia Datuk Dr. Haji Awang Sariyan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan memberikan suntikan semangat untuk kita sama-sama menjayakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 peringkat UniMAP dan majlis Wacana Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam suasana yang harmoni dan ceria. Saya juga berharap agar gandingan kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa yang akan datang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

**BAHASA MELAYU, BAHASA KEBANGSAAN**

7. Kita semua sedia maklum, apabila negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maka termaktublah dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152), bahawa bahasa kebangsaan negara kita ialah bahasa Melayu. Hal ini membawa erti bahasa inilah yang menjadi wahana bagi semua urusan rasmi, baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan.
8. Oleh itu, setelah 57 tahun menikmati kemerdekaan, rakyat Malaysia, terutama warga UniMAP dan warga Perlis, tidak harus mempertikaikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Sebaliknya, kita harus terus menggunakan bahasa tersebut untuk berkomunikasi, sama ada dalam pertuturan ataupun penulisan. Saya yakin dan percaya bahawa jika perkara ini dapat dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, kita mampu membentuk perpaduan nasional dan sekali gus menjayakan gagasan Satu Malaysia.

Hadirian sekalian,

9. Saya sentiasa prihatin dan akan memberikan sokongan untuk kegiatan kebahasaan dan penyelidikan bahasa. Dalam mesyuarat-mesyuarat rasmi di UniMAP dan mesyuarat tertinggi yang saya pengerusikan, saya masih lagi mementingkan penggunaan Bahasa Kebangsaan, dan saya tekankan perkara yang sama kepada semua ketua-ketua jabatan.

10. Jika ada staf asing di jabatan, maka itu tugas ketua jabatan untuk melatih staf tersebut menggunakan bahasa Melayu. UniMAP sudah memiliki Pusat Bahasa Antarabangsa yang didokongi guru bahasa yang terlatih, serta sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatannya.
11. Dari segi akademik, UniMAP merupakan satu-satunya universiti MTUN yang menetapkan syarat wajib lulus kertas bahasa Melayu peringkat universiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Pertamanya. UniMAP juga telah menawarkan kursus bahasa Melayu untuk penutur asing secara intensif dengan melalui Pusat Bahasa Antarabangsa yang mula ditubuhkan pada bulan Mac 2013.
12. Untuk pembangunan kurikulum dan usaha penyelidikan, UniMAP bersedia untuk bekerjasama dengan DBP pada masa akan datang.
13. Saya difahamkan Pusat Bahasa Antarabangsa sedang mengusahakan program pengajian yang berkaitan dengan teknologi bahasa. Sementara menunggu perancangan itu direalisasikan, kerjasama penyelidikan dalam bahasa Melayu masih boleh dilaksanakan. UniMAP mempunyai kepakaran dalam bidang IT, Mekatronik, Mekanikal, Elektrik dan teknologi kejuruteraan, yang mungkin serasi dan dapat membantu dalam mengkaji bahasa, seperti linguistik korpus, linguistik perkomputeran dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*). Melalui Pusat Penerbitan UniMAP pula, kami berharap untuk bekerjasama dalam penerbitan berbahasa Melayu dengan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hadirin sekalian.

14. Saya yakin Dewan Bahasa dan Pustaka, tanpa jemu sejak 57 tahun yang lalu, giat melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dalam sektor awam. Dan, program audit bahasa merupakan satu daripada usaha tersebut.

15. Saya juga dimaklumkan bahawa DBP telah menjalankan audit bahasa di Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dan, minggu lalu telah bermula audit bahasa di seluruh IPTA, Malaysia. Oleh yang demikian, dengan penuh takzim, saya mengundang DBP untuk melaksanakan audit bahasa di UniMAP pada bila-bila masa.
16. Saya percaya, program audit bahasa bukan bertujuan mencari kesalahan penjawat awam dalam penggunaan bahasa kebangsaan, tetapi lebih bertujuan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu, di sektor awam. Saya juga yakin dan percaya bahawa program audit bahasa mampu menjadikan pegawai kerajaan lebih berketerampilan dalam penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul. Kita ada pakar bahasa yang boleh dirujuk dan kita boleh bekerjasama dengan DBP untuk merealisasikan penggunaan bahasa Melayu di UniMAP.
17. Sehubungan itu, dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan ini, UniMAP mengambil inisiatif untuk mewujudkan Dasar Bahasa Melayu untuk Ekspatriat UniMAP yang akan dilaksanakan tidak lama lagi demi memastikan staf dan penutur asing di UniMAP mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik.
18. Antara pelaksanaan dasar ini termasuklah menetapkan syarat lulus ujian khas bahasa Melayu bagi tujuan pengesahan jawatan bagi staf warganegara. Saya berharap, cadangan ini dapat dilaksanakan dengan segera di UniMAP dan juga semua IPT Malaysia. Walaubagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa hal ini tidak bermakna kita perlu meminggirkan bahasa-bahasa lain, terutamanya bahasa Inggeris.
19. Saya sentiasa mengalu-alukan semua staf dan mahasiswa, juga warga Perlis, khasnya untuk turut mempelajari dan menguasai bahasa asing. Suka saya maklumkan bahawa UniMAP bertuah kerana memiliki Pusat

Bahasa Antarabangsa yang mampu mengajarkan lebih daripada 10 bahasa asing.

20. Dan, kami juga membuka Pusat Bahasa Antarabangsa kami untuk kemudahan orang awam, yang tentunya dengan sedikit yuran perkhidmatan.

Hadirin sekalian.

### **PENUTUP**

13. Sebagai penghujung bicara, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa UniMAP sentiasa menyokong segala usaha pemartabatan Bahasa Kebangsaan. Hal ini kerana, tugas pemartabatan Bahasa Kebangsaan bukan semata-mata tugas DBP, tetapi juga tugas dan tanggungjawab semua warganegara Malaysia. Saya berharap agar kerjasama antara DBP dan IPG akan diteruskan pada masa yang akan datang.
14. Dengan hal yang demikian, dengan lafaz mulia *bismillahir rahmanir rahim*, saya dengan ini melancarkan sambutan **Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 peringkat UniMAP** dan pembentangan **Wacana Pemartabatan Bahasa Kebangsaan** pada hari ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah.